

18 MAR 1998

Tajol-pendatang

KEMASUKAN PENDATANG SEMAKIN TERUK, KATA TAJOL ROSLI

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Kemasukan pendatang haram terutamanya dari Indonesia ke negara ini menerusi Selat Melaka kebelakangan ini "semakin teruk", kata Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Tajol Rosli Ghazali hari ini.

Beliau berkata setiap hari antara 300 dan 400 orang mendarat di negara ini.

Untuk memastikan pusat tahanan sementara pendatang tanpa izin dapat menampung mereka yang ditahan, pihak berkuasa terpaksa membuat penghantaran pulang 500 orang setiap hari menggunakan bot atau feri kepunyaan syarikat tempatan, katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berlepas ke Dubai.

Tajol Rosli berkata bahawa dahulu kerajaan mengumpul 2,000 pendatang sebelum menghantar mereka pulang menggunakan kapal Indonesia tetapi sekarang kapal itu lambat.

Beliau berkata pihak berkuasa boleh menggunakan alat elektronik untuk mengawasi kemasukan pendatang tanpa izin tetapi kaedah itu belum dapat digunakan kerana kosnya tinggi.

Ketua Pengarah Jabatan imigresen Datuk Aseh Che Mat yang turut hadir berkata 15,000 pendatang tanpa izin Indonesia telah dihantar pulang sejak Januari tahun ini.

"Jumlah itu tinggi berbanding 42,000 yang dihantar pulang sepanjang tahun lepas," katanya.

Mengenai peraturan mengenakan tindakan reman terhadap majikan yang menggaji sekurang-kurangnya enam pendatang haram, Aseh berkata Jabatan Imigresen sedia "bertolak ansur" dengan majikan sekiranya mereka tampil untuk menyerahkan pendatang tanpa izin itu.

"Dulu majikan yang diberkas dibenarkan diikat jamin sebelum dihadap ke mahkamah tetapi sekarang majikan akan direman di bawah Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah sehingga dihadap ke mahkamah dan siasatan akan dibuat sepanjang tempoh mereka dalam tahanan polis," katanya. -- BERNAMA

ARA MAI